



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

JPS *UPDATES*

BIL.04 | 2023



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK
PENSTABILAN TEBING SUNGAI AUR, KLANG

MAJLIS PERASMIAN MAKMAL
HIDROMECHANICAL TESTING LAB

KOREA - MALAYSIA WATER INFRASTRUCTURE DAY 2023



Jabatan Pengairan
dan Saliran Malaysia



Jabatan Pengairan
dan Saliran Malaysia



@jps_malaysia



@jps_malaysia



www.water.gov.my

ISI

Kandungan

Kunjungan Hormat Korea Water Corporation (K-Water) Bersama Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia	4
Lawatan Kerja YB Menteri NRECC ke Kawasan Banjir Daerah Klang Selangor	5
Majlis Perasmian Makmal Hidromechanical Testing Lab	8
Lawatan Kerja YB menteri NRECC ke Taman Melawis Klang	10
Majlis Penyerahan Projek Penstabilan Tebing Sungai Aur, Klang	11
Mesyuarat Tahunan dan Kongres 'The International Commission on Large Dams' (ICOLD) 2023	12
Lawatan Kerja YB Menteri NRECC ke Projek Pembangunan Lembangan Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan	13
Lawatan Kerja YB Menteri NRECC ke Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut, Daerah Besut, Terengganu	14
Korea - Malaysia Water Infrastructure Day 2023	15
Mesyuarat Joint Steering Committee (JSC)	16
Mesyuarat Pegawai Perhubungan Awam Bil 2. Tahun 2023 dan Bengkel Pengurusan Media dan Krisis Komunikasi	18

TINTA KETUA EDITOR



ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi dengan limpah rahmat dan izin-Nya, dapat kita bersua lagi melalui Buletin JPS Update Edisi ke-empat yang memaparkan aktiviti-aktiviti dan program menarik yang telah berlangsung sepanjang bulan Jun 2023.

Antara aktiviti dan program pada edisi kali ini adalah Majlis Perasmian Makmal *Hidromechanical Testing Lab* pada 9 Jun 2023. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj Rosli bin Isa, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). Perasmian makmal ini adalah untuk meraikan kejayaan makmal HTLab mendapat akreditasi pensijilan ISO/IEC 17025:2017 dibawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia.

Selain itu, Program *Korea-Malaysia Water Infrastructure Day* telah diadakan pada 20 Jun 2023, bertempat di Intercontinental Hotel, Kuala Lumpur. Program ini dirasmikan oleh YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri NRECC. Penganjuran program ini adalah bersempena dengan sambutan 40 tahun Dasar Pandang ke Timur bagi memantapkan lagi hubungan kerjasama di antara Republik Korea dan Malaysia dalam industri perkhidmatan air.

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya AidilAdha kepada seluruh warga kerja JPS yang beragama islam. Semoga Raya Korban ini membawa pengertian pengorbanan amat bermakna untuk kita semua dan dilimpahi hidayah, rahmat, keberkatan juga keredhaan oleh Allah SWT.

IR. TS. HAJAH NORLIDA BINTI MAMAD @ SAMAD
PENGARAH BAHAGIAN KORPORAT

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

DATO' Ir. SABRI BIN ABDUL MULOK

PENYELARAS

Ir. AMIRUDDIN BIN ALALDIN

KETUA EDITOR

Ir. Ts. HAJAH NORLIDA BINTI MAMAD
@ SAMAD

EDITOR

FARIDAH BINTI MOHAMED RAZELAN

PENOLONG EDITOR

Ir. Ts. MUHAMAD FARIZ
BIN ISMAIL

WAN SYAMSAFARIZA IZAWANE
BINTI WAN MOHD FIKRI

MUHAMAD BAZLI BIN YAHAYA
MOHD FIRDAUS BIN MOKHTAR

ROHADIZA BINTI RAMLI

HANA SOFIYA BINTI MOHAMAD NADZRI

KUNJUNGAN HORMAT KOREA WATER CORPORATION (K-WATER) BERSAMA TIMBALAN KETUA PENGARAH (SEKTOR BISNES) JPS MALAYSIA

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pihak K-Water telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Ir. Sabri bin Abdul Mulok Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia yang telah diadakan di Ibu Pejabat JPS Malaysia pada 2 Jun 2023.

Lawatan ini telah diketuai oleh Mr. Kwon Kidong Chief Officer K Water. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk menjalinkan kerjasama yang erat dalam berkongsi kepakaran dengan pihak JPS Malaysia khususnya mengenai pengurusan sumber air dan penggunaan teknologi baru bagi memastikan kelestarian sumber air dan memastikan pengurusan pengawalan banjir dapat dilaksanakan dengan baik.



Antara perkongsian semasa perjumpaan ini ialah peluang kerjasama JPS dengan K Water dalam bidang 'Artificial Intelligence' untuk strategi pembangunan sistem dan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien merangkumi pendekatan 'Machine Learning' bagi tujuan sistem sokongan keputusan (Decision Support System: DSS) melibatkan pembangunan algoritma.



LAWATAN KERJA YB MENTERI NRECC KE KAWASAN BANJIR DAERAH KLANG SELANGOR

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad telah membuat lawatan kerja ke kawasan banjir sekitar Bandar Bukit Raja, Daerah Klang Selangor pada 6 Jun 2023. Lawatan ini turut dihadiri oleh YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman, Ahli Parlimen Klang, YBhg. Dato' Ir. Sabri bin Abdul Mulok, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia, YB. Dato' Teng Chang Khim, ADUN Bandar Baru Klang, pegawai-pegawai kanan NRECC, Kerajaan Negeri dan JPS Malaysia.

Lawatan ini adalah susulan daripada kejadian banjir yang berlaku pada 4 Jun 2023 di beberapa lokasi di Daerah Klang yang melibatkan kawasan Pekan Meru dan Bandar Bukit Raja, Klang Selangor. Kawasan yang terjejas di Pekan Meru antaranya Taman Daya Meru, Taman Daya Maju, Jalan Kasban dan Persiaran Hamzah Alang manakala kawasan Bukit Raja melibatkan Bandar Baru Bukit Raja dan Mutiara Bukit Raja. Dilaporkan anggaran sebanyak 50 hingga 100 buah rumah terjejas banjir dengan kedalaman 0.1m-0.5m dan melibatkan perpindahan penduduk melibatkan 20 keluarga.

Kejadian banjir ini berlaku adalah disebabkan hujan yang sangat lebat dan berpanjangan melebihi 3 jam dan bertembung dengan air laut yang pasang. Selain itu, faktor sistem saliran dalaman yang tidak dapat menampung kuantiti air yang banyak dan tidak dapat mengalir ke sungai kerana aras air sungai yang tinggi juga turut menyumbang kepada berlakunya banjir.

Cadangan penyelesaian jangka masa pendek adalah dengan meningkatkan kekerapan penyelenggaraan sistem saliran kawasan tersebut. Manakala penyelesaian jangka panjang adalah dengan pelaksanaan segera Rancangan Tebatan Banjir Sg. Batu Enam, Rancangan Tebatan Banjir Sg. Kapar Kecil dan Sg. Kapar Besar.



Dirgahayu Tuanku

Merafak Sembah Dan Setinggi-tinggi Ucapan Tahniah



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(TERENGGANU), D.K.(JOHOR),
S.P.M.J., D.K.M.B.(BRUNEI), D.K.(KEDAH), D.K.(PERLIS), D.K.(PERAK), D.K.(SELANGOR),
Order of the State of The Republic of Turkiye.

Sempena
**Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku**

Pada
5 Jun 2023 Bersamaan 16 Zulkaedah 1444H

Sembah takzim daripada:
**Seluruh Warga Kerja Jabatan Pengairan dan Saliran
(JPS) Malaysia**

SEKALUNG TAHNIAH



Sekalung Tahniah

Diucapkan Kepada

Yang Berusaha

**Ir. Ts. Dr. Hj. Muhammad
Khairudin bin Khalil**

di atas pelantikan sebagai

**PENGARAH
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI MELAKA**

**BERKUATKUASA
1 JUN 2023**



JAYAKAN PERKHIDMATAN SEMPURNA



www.water.gov.my



Sekalung Tahniah

Diucapkan Kepada

Yang Berusaha

Khairul Anuar bin Abd. Rashid
Jurutera Awam J52

di atas pelantikan ke jawatan

**PENGARAH
BAHAGIAN AUDIT DAN PRESTASI
JABATAN PENGAIRAN DAN
SALIRAN MALAYSIA**

**BERKUATKUASA
6 JUN 2023**



JAYAKAN PERKHIDMATAN SEMPURNA



www.water.gov.my

Laman Rasmi
Sosial Media
JPS Malaysia



Sekalung Tahniah

Diucapkan Kepada

Yang Berusaha

Puan Kalsom binti Mean
Jurutera Awam J54 (M)

di atas pelantikan ke jawatan

**PENGARAH OPERASI
PUSAT KAWALAN
TEROWONG SMART,
JABATAN PENGAIRAN DAN
SALIRAN W.P. KUALA LUMPUR**

**BERKUATKUASA
12 JUN 2023**



JAYAKAN PERKHIDMATAN SEMPURNA

www.water.gov.my



Sekalung Tahniah

Diucapkan Kepada

Yang Berusaha

**Ir. Asnol Adzhan
bin Abd. Manap**
Jurutera Awam J54 (M)

di atas pelantikan ke jawatan

**PENGARAH OPERASI
PEJABAT PENGURUSAN
LEMBANGAN SUNGAI MUDA
(PLSM),
JABATAN PENGAIRAN DAN
SALIRAN MALAYSIA**

**BERKUATKUASA
12 JUN 2023**



JAYAKAN PERKHIDMATAN SEMPURNA

www.water.gov.my



MAJLIS PERASMIAN MAKMAL HIDROMECHANICAL TESTING LAB

OLEH : BAHAGIAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL



Majlis perasmian Makmal Hidromechanical Testing Lab Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj. Rosli bin Isa, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) pada 9 Jun 2023, bertempat di Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, Ipoh, Perak.

Turut hadir pada majlis perasmian makmal ini adalah YBhg. Dato' Ir. Sabri bin Abdul Mulok, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia, YBrs. En. Shaharul Sadri bin Alwi, Ketua Pengarah, Jabatan Standard Malaysia, YBrs. Pn. Roshana Alma binti Mohd Ali, Setiausaha Bahagian, Bahagian Sumber Air, NRECC, YBrs. Ir. Rosazlan bin Abu Seman, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal JPS Malaysia, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Standard Malaysia, Pengarah-pengarah JPS Bahagian dan JPS Negeri.





Perasmian makmal ini adalah untuk meraikan kejayaan makmal HTLab mendapat akreditasi pensijilan ISO/IEC 17025:2017 dibawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia atau singkatannya SAMM, daripada Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) pada 16 November 2022. Pusat Pengujian Pam di BPME Ipoh ini telah beroperasi semenjak 20 tahun yang lalu. Pada tahun 2018 sistem pengujiannya telah dinaiktaraf daripada sistem konvensional kepada sistem automasi dan digital. Sistem pengujian pam yang baru ini dapat menguji pam berkapasiti 85 liter/saat sehingga 600 liter/saat. Sehingga kini, HTLab merupakan sebuah makmal pengujian pam yang terbesar di Malaysia yang memiliki akreditasi ISO/IEC 17025:2017. Di majlis perasmian ini juga YBhg. Dato' KSU di bawa melawat makmal-makmal fabrikasi pintu air, pam air, dan aset-aset pam air banjir.



LAWATAN KERJA YB MENTERI NRECC KE TAMAN MELAWIS KLANG

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT



Pada 13 Jun 2023, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad telah membuat lawatan kerja ke Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Taman Melawis Daerah Klang, Selangor. Lawatan yang turut disertai oleh Pegawai atasan NRECC, JPS Ibu Pejabat dan JPS Negeri bersama wakil rakyat Daerah Klang.

Projek menaiktaraf ini dilaksanakan bertujuan bagi menyelesaikan masalah sistem saliran sedia ada yang tidak dapat menampung jumlah air hujan lebat jika berlaku fenomena air pasang. Skop projek tersebut juga telah melibatkan kerja menaiktaraf sistem saliran di Taman Melawis dan Jalan Tepi Sungai, sub stesen TNB, rumah pam, sump pump serta pemasangan sistem pam baharu dan pembinaan bangunan kuarters.

Projek ini juga melibatkan kerja-kerja *microtunneling* di bawah jajaran landasan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), pengubahsuaian laluan jejantas pejalan kaki serta pengurusan keselamatan, alam sekitar dan laluan trafik serta kerja-kerja yang berkaitan. Seluas 15.9 hektar kawasan banjir akan dapat dikurangkan melalui pelaksanaan projek ini terutamanya kawasan perumahan melibatkan hampir 500 buah rumah, premis perniagaan dan lain-lain yang sering dilanda banjir.

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PENSTABILAN TEBING SUNGAI AUR, DAERAH KLANG, SELANGOR

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT



Satu Majlis bagi Penyerahan Projek Penstabilan Tebing Sungai Aur, Daerah Klang, Selangor telah diadakan pada 15 Jun 2023. Projek Penstabilan Tebing Sungai Aur yang melibatkan 2 kilometer di kiri dan kanan tebing ini, dilaksanakan sebagai langkah pengukuhan tebing bagi memastikan kapasiti sungai tidak terjejas akibat hakisan.

Penyerahan projek siap ini telah diserahkan oleh YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) mewakili JPS kepada Kerajaan Negeri Selangor yang diwakili oleh Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir sama ke majlis penyerahan ini ialah Exco-exco kerajaan negeri dan pegawai-pegawai kanan JPS Ibu Pejabat dan Negeri.

Sijil penghargaan juga turut disampaikan kepada pihak kontraktor Mahir Tenggara Sdn Bhd kerana berjaya menyiapkan projek ini tanpa sebarang lanjutan masa (EOT).



MESYUARAT TAHUNAN DAN KONGRES 'THE INTERNATIONAL COMMISSION ON LARGE DAMS' (ICOLD) 2023



OLEH : BAHAGIAN REKEBENTUK DAN EMPANGAN

Mesyuarat Tahunan dan Kongres 'The International Commission on Large Dams' (ICOLD) 2023 telah diadakan di Pusat Pameran Sweden di Gothenberg pada 11 hingga 15 Jun 2023. Program tahunan ini diadakan bagi memperluaskan kerjasama antarabangsa dalam bidang kejuruteraan dan keselamatan empangan dikalangan negara-negara anggota ICOLD.



JPS telah diwakili oleh YBhg. Dato' Ir. Sabri bin Abdul Mulok, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes), JPS Malaysia dan pegawai-pegawai dari Bahagian Rekabentuk dan Empangan (BRE).

Delegasi-delegasi Malaysia pada tahun ini dianggotai oleh pegawai dari pelbagai agensi seperti berikut:

- 1) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
- 2) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
- 3) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- 4) TNB Power Generation Sdn Bhd
- 5) Sarawak Energy Berhad
- 6) Malaysia National Committee on Large Dams (MyCOLD)

YBhg. Dato' Ir. Sabri bin Abdul Mulok juga telah diberi penghormatan untuk menjadi wakil delegasi Malaysia semasa Perhimpunan Agong ICOLD kali ke 91 pada 15 Jun 2023. Beberapa kerjasama antarabangsa telah diadakan bersama wakil delegasi Jepun (JCOLD), Indonesia (INACOLD) dan Canada (CDA) meliputi kerjasama teknikal dan latihan kepakaran.



LAWATAN KERJA YB MENTERI NRECC KE PROJEK PEMBANGUNAN LEMBANGAN BERSEPADU (PLSB) SUNGAI KELANTAN

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 17 June 2023, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad telah membuat lawatan kerja ke Projek Pembangunan Lembangan Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan. Lawatan ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah banjir di kawasan Lembangan Sungai Kelantan.

Projek PLSB Sungai Kelantan Fasa 1 mempunyai perutukkan sebanyak RM699juta. Dengan perancangan projek ini, seramai 95,000 penduduk yang terjejas dengan banjir terutamanya kawasan Kota Bharu dan Tumpat dapat dilindungi dari risiko banjir iaitu seluas 31,000 hektar. Projek ini telah dimulakan pada 29 Januari 2018 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada 17 Oktober 2023. Kemajuan kerja telah mencapai 90.27% penyiapan.

Skop projek melibatkan komponen tebatan banjir, sungai, saluran mesra alam dan *National Water Balance System* (NAWABS). Projek ini telah menyediakan infrastruktur tebatan banjir, sistem saluran berkonsepkan mesra alam, meningkatkan kapasiti dan kecekapan saluran sungai bagi mengurangkan impak banjir serta menjalan kajian dan pembangunan sumber air negara.



KOREA - MALAYSIA WATER INFRASTRUCTURE DAY 2023


OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Kedutaan Republik Korea dan Korea Water Resources Corporation (K-water) dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah menganjurkan Program *Korea-Malaysia Water Infrastructure Day* pada 20 Jun 2023, bertempat di Intercontinental Hotel, Kuala Lumpur. Program ini dirasmikan oleh YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Penganjuran program ini adalah bersempena dengan sambutan 40 tahun Dasar Pandang ke Timur bagi memantapkan lagi hubungan kerjasama di antara Republik Korea dan Malaysia dalam industri perkhidmatan air. Selain itu, program ini juga menjadi platform perkongsian maklumat berkaitan pengurusan air yang cekap, pendedahan terhadap teknologi perkhidmatan air oleh syarikat Korea Selatan serta membolehkan pandangan perniagaan diadakan di antara syarikat tempatan dan syarikat dari Korea Selatan bagi memacu kerjasama *business-to-business* (B2B) di antara penyedia perkhidmatan tempatan dan syarikat antarabangsa.



Melalui anjuran program ini, agenda yang dipersetujui adalah sesi perkongsian ilmu oleh pihak JPS di bawah sesi 2-1: *Policies and trends related to Malaysia's Water Industry* dengan cadangan tajuk "Disaster Risk Reduction Effort in Malaysia".





MESYUARAT JOINT STEERING COMMITTEE (JSC)

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Mesyuarat *Joint Steering Committee* (JSC) kali ke 17 di bawah Projek Usahasama di antara Kerajaan Malaysia dan Thailand - Program Pemuliharaan Muara Sungai Golok telah diadakan pada 22 Jun 2023 secara atas talian. Mesyuarat ini dipengerusikan bersama oleh Y.Bhg Dato' Hj. Rosli bin Isa, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dan Mr. Sedthakiat Krajangwong, *Deputy Permanent Secretary, Ministry Of Agriculture And Cooperatives , Kingdom Of Thailand*, turut disertai oleh delegasi dari kedua-dua negara.



Mesyuarat JSC ini diadakan dua tahun sekali secara bergilir-gilir antara Kerajaan Malaysia dan Thailand susulan perjanjian di bawah Projek Pembaikan Muara Sungai Golok di antara Kerajaan Malaysia dan Thailand yang telah ditandatangani pada 8 Mac 1997.

Antara agenda yang dibincangkan adalah berkaitan laporan pemantauan dan penilaian muara Sungai Golok, program pemuliharaan *Transit Point B* (tanda sempadan antara Negara Malaysia dan Thailand), kerja-kerja pemulihan dan perlindungan di Muara Sungai Golok, penentuan bersama sukatan luah (*rating curve*) Sungai Golok, Sistem Pemantauan Masa Sebenar dan Laman Web Bersama Lembangan Sungai Golok serta isu-isu lain yang berkaitan. Setiap pandangan dan ulasan teknikal daripada ahli-ahli tetap yang terlibat adalah penting bagi memastikan rundingan yang dicapai adalah menepati keperluan teknikal dan kepentingan kedua-dua buah Negara.



Selamat Hari Raya Aidil Adha

10 Zulhijjah 1444h/29 Jun 2023



dengan ingatan tulus ikhlas daripada

Pengurusan Atasan dan
Seluruh Warga Kerja
Jabatan Pengairan dan Saliran
(JPS) Malaysia

JAYAKAN PERKHIDMATAN SEMI LAYANAN

IBU PEJABAT JPS AKAN BEROPERASI DI CYBERVIEW25, CYBERJAYA
PERSIARAN RIMBA PERMAI, CYBER 8, 63000 CYBERJAYA, SELANGOR



MESYUARAT PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM BIL 2. TAHUN 2023 DAN BENGKEL PENGURUSAN MEDIA DAN KRISIS KOMUNIKASI

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Mesyuarat Pegawai Perhubungan Awam JPS Malaysia Bil 2. Tahun 2023 yang melibatkan semua Pegawai Perhubungan Awam JPS Malaysia telah diadakan pada 21 Jun 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat BPSAH. Mesyuarat tersebut dipengerusi YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Mesyuarat ini membincangkan Laporan Pengurusan Aduan Awam SISPA, Kajian Kepuasan Pelanggan JPS Malaysia, Garis Panduan Pengendalian Media Sosial JPS Malaysia dan Pencapaian Piagam Pelanggan JPS Malaysia 2023.

Di sesi yang sama juga, satu Bengkel Pengurusan Media dan Krisis Komunikasi diadakan pada 22 Jun 2023 untuk Pegawai-Pegawai Perhubungan Awam Bahagian dan Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Taklimat Bengkel Pengurusan Media dan Krisis Komunikasi telah disampaikan oleh Puan Suziyana binti Sukri, Timbalan Pengarah Bahagian Media dan Komunikasi Korporat Jabatan Penerangan Malaysia.

Antara perkongsian yang telah diberikan oleh Puan Suziyana melalui bengkel adalah seperti Penulisan dan Penyediaan Kenyataan Media, Penyediaan Pelan Komunikasi dan Pelan Media dan Pengurusan Bencana dan Krisis Komunikasi Media.



BENGKEL PENGURUSAN MEDIA DAN KRISIS KOMUNIKASI





**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA
PERSIARAN RIMBA PERMAI, CYBER 8,
63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN**

